

581:
MAHATHIR

1975

PONTIAN KECIL, 9 FEB (BERNAMA) -- KEMENTERIAN PELAJARAN AKAN MENUMPUKAN PERHATIAN UNTUK MEMBAIKI KEDUDUKAN SEKOLAH-SEKOLAH TERPENCIL BAIK DARI SEGI KEMUDAHAN MAHUPUN TENAGA PENGAJAR TERLATIH.

MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMAD BAGAIMANA PUN BERKATA, INI BERGANTUNG KEPADA BEBERAPA FAKTUR KERANA PIHAK KEMENTERIAN TIDAK MAMPU MENEMPATKAN GURU-GURU YANG CEKAP DI SEKOLAH-SEKOLAH TERSEBUT YANG TIDAK RAMAI BILANGAN MURIDNYA .

BELIAU MENYATAKAN DEMIKIAN DALAM SIDANG AKHBAR DISINI SETELAH MELAWAT EMPAT BUAH SEKOLAH TERPENCIL DI DAERAH INI HARI INI.

KATANYA, KERAJAAN SEDANG MENJALANKAN DASAR MENCANTUMKAN BEBERAPA SEKOLAH KECIL DI SESUATU KAWASAN BAGI MEMBOLEHKAN RAMAI MURID MENEKMATI KEMUDAHAN YANG LENGKAP.

BAGAIMANA PUN, DASAR TERSEBUT DIDAPATI LEBIH MUDAH DILAKSANAKAN DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH.

WALAU PUN KERAJAAN MENYEDIAKAN ASRAMA DIBEBERAPA TEMPAT, TETAPI KEMUDAHAN ITU TIDAK DAPAT DIADAKAN DI SELURUH NEGARA KERANA MASALAH KEWANGAN DAN KAWASAN YANG SESUAI. --
BERSAMBUNG 1705/IK

19

582:
MAHATHIR 2 PONTIAN KECIL

MENGENAI RANCANGAN BUKU HIJAU, DR. MAHATHIR BERKATA IA TELAH MENGARAHKAN SEMUA SEKOLAH MEMBIMBING MURID-MURID DALAM BIDANG PERTANIAN.

SETIAP SEKOLAH HENDAKLAH DIJADIKAN SEBAGAI TEMPAT MELATIH ANAK-ANAK BERCUCUK TANAM.

DR. MAHATHIR JUGA MENYATAKAN PIHAK KEMENTERIAN TIDAK DAPAT MEMBERI MAKANAN PERCUMA KEPADA MURID-MURID MISKIN KERANA MEMERLUKAN BELANJA YANG BESAR.

DR. MAHATHIR JUGA MENYATAKAN BELIAU AKAN MENIMBANGKAN KEMUNGKINAN BERTANDING SEBAGAI NAIB PRESIDEN UMNO DI PERSIDANGAN AGUNGNYA BULAN JUN DEPAN. --BERNAMA 1708/IK